

# Penerokaan hutan resahkan penduduk Hulu Tembeling

**JERANTUT 28 Julai** - Kira-kira 300 penduduk Kampung Pagi, Hulu Tembeling dekat sini membantah tindakan pihak tertentu yang rakus mene-roka hutan bagi tujuan pembalakan dan per-lombongan sehingga mengundang risiko kemusnahan ekosistem di sekitar kawasan itu.

Kerakusan pihak terbabit menjalankan aktiviti tersebut mengakibatkan aliran Sungai Pengau ke Sungai Tembeling berdekatan kampung itu, kini bertukar wajah dengan dipenuhi keladak dan lumpur.

Ia juga menyebabkan projek pemuliharaan ikan air tawar oleh Jabatan Perikanan Pahang bersama penduduk kampung berkenaan menerusi sistem tagal gagal berikutan kemusnahan habitat ikan patin, ikan lampan merah, ikan kelah dan beberapa spesies lain.

Masalah itu turut mengundang kebimbangan penduduk Kampung Pagi apabila berdepan dengan risiko diserang penyakit beri-

kutan bekalan air minuman yang diperoleh dari puncak tadahan air berdekatan kampung tersebut tercemar.

Seorang penduduk, **Shahraddin A. Karim**, 48, meminta kegiatan pembalakan di situ dihentikan segera ekoran ancaman terhadap tiga batang anak sungai iaitu Sungai Pengau, Sungai Lau dan Sungai Butbut.

"Pembalakan di hulu sungai dan berdekatan kampung ini mengundang perubahan landskap persekitaran yang dahsyat dan kemungkinan besar ekosistemnya akan musnah dalam masa terdekat.

"Sepatutnya, musibah banjir yang menenggelamkan kampung ini pada tahun lepas wajar dijadikan pengajaran agar

penebangan hutan bagi pembalakan secara rakus tidak berlaku," katanya di sini hari ini.

Sehubungan itu, Shahraddin meminta kerajaan negeri menghentikan kegiatan pembalakan di situ manakala ura-ura pihak ter-

tentu untuk mengusahakan per-lombongan berdekatan situ wajar disekat agar saki-baki khazanah alam sekitar di Hulu Tembeling kekal terpelihara.

Seorang lagi penduduk, **Rosnainah Ahmad**, 32, berkata, kegiatan pembalakan di sekitar kampung berkenaan semakin menjadi-jadi sehingga air sungai berkeladak ketika hujan dan penduduk kerap terputus bekalan air pada musim kemarau sejak beberapa tahun lepas.

Menurutnya, kegiatan penerokaan hutan oleh pihak luar semakin berleluasa sejak projek jalan raya dari Kuala Tahan ke kampung itu siap dan mereka rakus mengaut keuntungan sehingga menutup peluang penduduk menikmati hasil alam.

Dalam pada itu, **Aliman Alias**, 36, pula berkata, kesan pembalakan memusnahkan habitat akuakultur di Sungai Pengau yang sebelum ini merupakan pusat pembiakan ikan tawar dan pembangunan sistem tagal di daerah ini oleh Jabatan Perikanan dan penduduk di situ.

"Penduduk di sini dan keselu-ruhan komuniti Hulu Tembeling kehilangan punca pendapatan hasil sungai dan hutan yang menjadi sumber rezeki sejak zaman nenek moyang kami," katanya.



**SHAHRADDIN A. KARIM**



**ALIMAN ALIAS**



**SEORANG** penduduk menunjukkan aliran Sungai Pengau yang kotor dan berkeladak sehingga memusnahkan habitat ikan air tawar dan kegagalan projek Sistem Tagal di Kampung Pagi, Jerantut, Pahang, semalam. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD